



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 DISEMBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	NANAS MS16 'GAME CHANGER' INDUSTRI NANAS NEGARA, LOKAL, HM -20 MARDI LANCAR MS16, NANAS HIBRID TERBAIK, NASIONAL, BH -14 MARDI LANCAR NANAS MS16 TERBAIK DI MALAYSIA, NASIONAL, SH -18	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4. 5. 6. 7. 8.	1.6 JUTA PETANI, PEMAIN INDUSTRI TERLIBAT BANCI PERTANIAN 2024, NASIONAL, SH -18 BANCI PERTANIAN LIBATKAN 1.6j RESPONDEN, NEGARA, KOSMO -5 1.6 JUTA RESPONDEN TERLIBAT BANCIAN PERTANIAN 2024, DALAM NEGERI, UM -5 BEKALAN IKAN SEGAR CUKUP, HARGA STABIL, NASIONAL, BH -15 BAJA TINTA AYAM: TEKNOLOGI HAPUSKAN PATOGEN BAHAYA, DALAM NEGERI, UM -10	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Nanas MS16 'game changer' industri nanas negara

Pontian: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) semalam, melancarkan hibrid baharu nanas yang disifatkan terbaik pernah dihasilkan negara iaitu MS16.

MS16 terhasil daripada kacukan induk nanas 'Josephine' dan nanas tanpa duri dari Australia ini mengambil masa 10 tahun dibangunkan Mardi di sini.

Keistimewaan MS16 adalah rasa nanasnya yang lebih manis berbanding varieti manis lain, rangup dan tidak lidas selain purata beratnya adalah 1.5 ki-

logram (kg) setiap biji.

Malah, nanas MS16 adalah varieti yang tahan kepada penyakit toleran kepada penyakit reput teras bakteria yang lazimnya menjadi musuh utama pengusahanya nanas di negara ini.

Pelancaran hibrid nanas baharu MS16 itu disempurnakan Ahli Parlimen Pontian Datuk Seri Ahmad Maslan yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya.

Ahmad berkata, pelancaran nanas hibrid baharu MS16 itu dijangka bakal menjadi *game changer* industri nanas negara.

Apatah lagi katanya, Jo-

hor adalah lokasi pengeluaran nanas terbesar negara dengan kebanyakan ladang nanas berada di Pontian.

"Mardi memaklumkan hibrid baharu nanas MS16 ini adalah varieti terbaik nanas yang pernah dikeluarkan di negara kita kerana rasanya yang sangat enak dan lebih manis.

"Pengeluaran hibrid baharu nanas MS16 ini diharapkan dapat memperbaiki kedudukan Malaysia yang kini berada di kedudukan 22 pengeluaran nanas terbesar dunia," katanya selepas Majlis Pelancaran Hibrid Baharu Nanas MS16, di sini.



AHMAD (tengah) memotong nanas selepas Majlis Pelancaran Hibrid Baharu Nanas MS16 di Stesen Mardi Pontian di Kampung Pant Selangor, Pontian, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

MARDI lancar MS16, nanas hibrid terbaik

Pontian: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), semalam melancarkan hibrid baharu nanas MS16 yang disifatkan terbaik pernah dihasilkan negara.

MS16 terhasil daripada kacukan induk nanas Josapine dan nanas tanpa duri dari Australia yang dibangunkan selama 10 tahun oleh MARDI di stesennya, di sini.

Keistimewaan MS16 adalah nanas yang lebih manis berbanding varieti manis lain, rangup dan tidak lidas, dengan purata berat 1.5 kilogram (kg) sebiji.

MS16 adalah varieti tahan penyakit reput teras bakteria yang lazimnya menjadi musuh utama pengusah nanas di negara ini.

Pelancaran hibrid nanas baharu itu disempurnakan Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ah-

mad Maslian yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya.

Ahmad berkata, hibrid MS16 ini dijangka mengubah industri nanas negara, terutama dengan kedudukan Johor sebagai lokasi pengeluaran nanas terbesar negara dan sebahagian besar ladang nanas berada di Pontian.

"MARDI memaklumkan hibrid baharu nanas MS16 ini adalah varieti terbaik nanas yang pernah dikeluarkan di negara kita kerana lebih manis.

"Pengeluaran hibrid baharu nanas MS16 ini diharap dapat memperbaiki kedudukan Malaysia yang kini berada di kedudukan 22 pengeluaran nanas terbesar dunia," katanya.

Bellau berkata demikian selepas majlis pelancaran hibrid baharu nanas MS16, di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawa-



Ahmad (tengah) mencuba memotong nanas selepas Majlis Pelancaran Hibrid Baharu Nanas MS16, di Stesen MARDI Pontian, di Kampung Parit Selangor, Pontian, semalam. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

tankuasa Pertanian, Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip serta Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Sementara itu, Mohamad Zabawi berkata, hibrid baharu nanas MS16 dijangka dipasarkan secara komersial di seluruh negara pada 2025.

Katanya, ujian penanaman nanas MS16 dimulakan di Pontian sejak 2014 bagi memastikan kaedah dan hasil terbaik nanas berkenaan dapat dituai dan dikomersialkan secara meluas.

"MARDI turut menyerahkan 1,000 benih hibrid nanas MS16 kepada 12 pengusaha nanas di Pontian hari ini (semalam) bagi memulakan penanaman nanas varieti ini secara besar-besaran. "Dalam 13 bulan lagi, ia dijangka dapat dituai dan dipasarkan ke seluruh negara. Orang ramai yang berminat mendapatkan benih hibrid nanas MS16 boleh hadir dan membelinya di Stesen MARDI Pontian untuk diusahakan," katanya

Hasil kakukan dengan nanas tanpa duri dari Australia

Oleh NOR AZURA MD AMIN PONTIAN

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada Ahad telah melancarkan hibrid baharu nanas MS16 yang berkualiti tinggi dan tahan penyakit.

MARDI lancar nanas MS16 terbaik di Malaysia



Zahari pula berkata, korajian nanas MS16 ini adalah hasil daripada pemerncaan nanas MS16 ke negara China. Beliau berharap, Johor mempunyai perancangan untuk memasarkan nanas MS16 ke negara China.

usahawan telah menerima nanas jenis baharu itu dengan setep usabawan dibekalkan sebanyak 1,000 benih nanas.

1.6 juta petani, pemain industri terlibat Banci Pertanian 2024



Mohd Uzir (empat dari kiri) menyempurnakan gimik penanaman pokok nanas di Institut Latihan Statistik Malaysia dekat Sungai, pada Ahad.

Beliau berkata, demikian sempena Program Penghijauan Malaysia, Banci Pertanian 2024 di Institut Latihan Statistik Malaysia dekat Sungai di sini pada Ahad.

Melalui bancian ke atas isi rumah dan perubahan pertanian yang terlibat dalam aktiviti pertanian iaitu tanaman makanan dan komoditi, terakur, penanaman dan akulturasi, penanaman dan akulturasi.

Mohd Uzir (dekat di tengah) menyempurnakan gimik penanaman pokok nanas di Institut Latihan Statistik Malaysia dekat Sungai, pada Ahad.

dan kawasan berpokok di skala besar ini dilaksanakan

Banci Pertanian libatkan 1.6j responden

Oleh ASLIZA MUSA

TANJUNG MALIM – Banci Pertanian 2024 (BP 2024) yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan bakal melibatkan 1.6 juta responden termasuk petani dan juga pemain industri.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, jumlah tersebut diperoleh dari pada maklumat terkini melalui sesi libat urus yang dijalankan Jabatan Perangkaan (DOSM) di seluruh negara yang melibatkan interaksi bersama 200 agensi di peringkat persekutuan dan lebih 1,000 agensi di peringkat daerah.

"Ia termasuk menyediakan soal selidik yang dapat memepati keperluan bagi pihak Kementerian dan juga agensi untuk membuat perancangan.

"Pangkalan data sedang dimajukan dan ia sedang diintegrasikan dan pada peringkat awal ini, kita dapat banyak jurang dan terdapat data-data yang tidak konsisten berikutnya yang tidak konsisten dibuat pada tahun 2005.

"Jadi, kita akan cuba harmonikan semula data tersebut menerusi pemukiman bancian pertanian di 156 daerah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



MOHD. UZIR (tengah) menyiram anak pokok yang ditanam di Institut Latihan Statistik Malaysia di Sungkai semalam. – ZULFACHRI/ZULKIFLI

berucap pada Program Penghijauan Malaysia sempena Banci Pertanian 2024 di Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia di Sungkai semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah In-

stitut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Ismail Partan.

Pada program itu, sebanyak 350 anak pokok ditanam di tapak semaian seluas 0.68 hektar di situ yang mana 220 anak pokok adalah

sumbangan FRIM, manakala selebihnya pula adalah sumbangan warga DOSM.

Antara spesies pokok yang ditanam adalah pokok jambu, cempai, beruas, sentul, jering, pelung, ga-

jus, kantan, meranti tembaga dan meranti seraya.

Mengulas lanjut Mohd. Uzir berkata, sesi libat urus yang dijalankan di seluruh negara itu mendapat maklum balas baik daripada semua pihak termasuk kerajaan negeri di mana rata-ratanya memerlukan bahawa mereka memerlukan data yang banyak.

Beliau berkata, data tersebut akan digunakan untuk perancangan masa hadapan termasuk penggunaan teknologi, isu-isu modenisasi dalam sektor pertanian dan penyaluran bantuan kewangan.

"Saya sendiri telah berjumpa dengan para pengamal dalam industri ini iaitu peladang dan petani untuk kita ketahui isu-isu dan kekuatan, contohnya penanaman nanas dan sayuran selain pergi melawat kawasan tanaman kekal.

"Dari situ, kita boleh lihat bahawa perlunya tindakan dan pelaksanaan serta polisi yang amat baik, cuma bagaimana ia dapat ditambah baik lagi.

"Apa yang paling penting kini, kita mahukan kestabilan dalam harga-harga berkaitan pertanian, kerana ini akan menarik lebih ramai pengusaha dalam bidang pertanian," katanya.

18/12/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

5

1.6 juta responden terlibat Bancian Pertanian 2024

Oleh **ASLIZA MUSA**
utusannews@mediamulla.com.my

TANJUNG MALIM: Sebanyak 1.6 juta responden yang terlibat dalam aktiviti pertanian termasuk petani dan pemain industri akan diliputi dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 (BP 2024) pada tahun hadapan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, jumlah itu diperoleh berdasarkan dapatan terkini melalui sesi libat urus yang dijalankan Jabatan Perangkaan (DOSM) di seluruh negara.

Katanya, sesi libat urus berkenaan melibatkan interaksi bersama 200 agensi di peringkat persekutuan dan lebih 1,000 agensi di peringkat daerah.

"Sesi libat urus yang diadakan ini adalah termasuk menyediakan soal selidik yang dapat menepati keperluan bagi pihak Kementerian dan agensi untuk membuat perancangan.

"Alhamdulillah, selepas melaksanakan sesi berkenaan, kita telah mengadakan pengambilan pangkalan data yang ada di agensi-agensinya tersebut dan ia sedang diintegrasikan.

"Pada peringkat awal ini, kita dapat banyak jurang dan ada data-data yang tidak konsisten berikutan kali terakhir bancian



MOHD. UZIR MAHIDIN (tengah) menanam pokok pada Program Penghijauan Malaysia Bersempena Banci Pertanian 2024 di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) Sungkai, Perak. - UTUSAN/ZULFIKRI

pokok hutan termasuk pokok jambu, cerial, beruas, sentul, jering, pelung, gajus, kantan, meranti tembaga dan meranti seraya.

Mengulas lanjut Mohd. Uzir berkata, sesi libat urus yang dijalankan di seluruh negara itu mendapat maklum balas baik daripada semua pihak termasuk kerajaan negeri di mana rata-ratanya memaklumkan bahawa mereka memerlukan data yang banyak.

Beliau berkata, data-data itu akan digunakan untuk perancangan masa hadapan termasuk penggunaan teknologi, isu-isu modenisasi dalam sektor pertanian dan penyaluran bantuan kewangan.

"Saya sendiri telah berjumpa dengan pengamal-pengamal dalam industri ini iaitu peladang dan petani untuk kita ketahui isu-isu dan kekuatan contohnya penanaman nenas dan sayuran selain pergi melawat kawasan tanaman kekal dan sebagainya.

"Dari situ kita boleh lihat bahawa kita sebenarnya ada tindakan dan pelaksanaan serta polisi yang amat baik, cuma bagaimana ia dapat ditambah baik lagi.

"Apa yang paling penting, kita mahu kestabilan dalam harga-harga berkaitan pertanian, ini akan menarik lebih ramai pengusaha dalam bidang pertanian," katanya.

350 batang anak pokok ditanam di tapak samaian seluas 0.68 hektar dengan 220 batang anak pokok merupakan sumbangan FRIM manakala selebihnya pula adalah sumbangan warga DOSM.

Antara spesis pokok yang ditanam ialah pokok buah dan

Banci Pertanian 2024 di Dewan Sigma, Institut Latihan Statistik Malaysia di Sungkai, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Ismail Parlan.

Pada program itu, sebanyak

dibuat pada tahun 2005. Jadi, kita akan cuba harmonikan semula data tersebut menerusi pemukiman bancian pertanian di 156 daerah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Penghijauan Malaysia sempena



Abdul Aziz menjual ikan dengan harga yang murah di RTC Tunjong, Kota Bharu, semalam. (Foto: Hidayatidayu Basah/8H)

Bekalan ikan segar cukup, harga stabil

Kota Bharu: Harga ikan segar di pasaran sekitar daerah ini masih stabil dan bekalan mencukupi untuk menampung keperluan pengguna.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini mendapati, bekalan pelbagai jenis ikan banyak dan dijual pada harga biasa antara RM8 hingga RM10 bagi sekilogram ikan seyang, kembung (RM16), setar (RM14), Kerisi (RM7) dan tongkol pada harga RM10 sekilogram.

Peniaga, Abdul Aziz Hassan, 56, berkata, harga dapat dikalkulkan kerana bekalan mencukupi diperoleh daripada nelayan tempatan dan pembekal.

Walaupun hujan, katanya, nelayan laut dalam masih dapat

turun ke laut untuk menangkap ikan.

"Harga ikan stabil. Saya mendapat bekalan daripada nelayan tempatan dan pembekal pada harga rendah, maka kami boleh jual murah.

"Jika bekalan kurang, harga akan meningkat dengan mendadak," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd Fikri Abdul Rahman, 28, berkata semua ikan dijual pada harga murah berbanding musim tengkujuh sebelum ini.

"Biasanya kalau musim tengkujuh nelayan tidak turun ke ke laut, cuma kali ini cuaca baik dan dapat ke laut.

"Harga lebih rendah mendorong orang ramai datang ke sini untuk dapatkan bekalan ikan dan bahan mentah laut," katanya.



Mohd Fikri

18/12/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

Baja tinja ayam: Teknologi hapuskan patogen bahaya

MELAKA: Penggunaan baja tinja ayam tidak mengundang patogen berbahaya seperti *E. Coli* sekiranya diproses menggunakan *Rapid Thermophilic Aerobic Digestion Technology (RTADT)*.

Pengusaha baja organik, Mat Jantan berkata, ia juga tidak mengeluarkan bau busuk dan menyebabkan kelecuman kepada tanaman apabila sesuatu produk dihasilkan melalui RTADT.

Katanya, baja tinja ayam jauh lebih selamat berbanding baja kimia dan terbukti menyumbang kepada keberhasilan tinggi tanaman.

"Isu ini perlu dipandang secara teliti dan serius, saya tegaskan bahawa baja yang diproses sempurna tidak mem-

beri impak negatif.

"Kami menggunakan tinja ayam penelur sebagai salah satu bahan utama dalam penghasilan baja organik, namun diproses bersama beberapa bahan mentah utama lain menggunakan teknologi tinggi.

"Tinja ayam ini tidak mengeluarkan bau busuk sekiranya diproses menggunakan teknologi tinggi. Malaysia perlu menerokai bidang ini agar tidak memberi kesan kepada komuniti setempat," katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu yang tidak menggalakkan penggunaan

baja tinja ayam.

Mohamad ketika berucap merasmikan satu majlis di Gunung Semangol, Bagan Serai, Perak dilaporkan berkata, baja itu juga menyebabkan ketidakselesaan kepada orang ramai kerana berbau busuk dan berpotensi menyebabkan kelecuman sekiranya bersentuhan dengan tanaman, selain menyebabkan jangkitan penyakit kepada manusia.

Ini susulan aduan dibuat peniaga gerai makanan di sekitar Parit Haji Aman dan Parit Haji Tahir berhubung kacau ganggu lalat dan pencemaran bau ekoran penggunaan baja tinja ayam di sebuah kebun sayur diusahakan etnik Rohingya.



MAT Jantan dalam sidang akhbar di pejabatnya di Jalan Pokok Mangga, Melaka. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD